

Ekuinas catat pulangan kasar RM677.1 juta

Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) terus mencatatkan prestasi kukuh selepas lima tahun beroperasi dengan mencatatkan Pulangan Portfolio Kasar RM677.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014.

Pengerusinya, Tan Sri Raja Arshad Tun Raja Uda berkata, pencapaian berkenaan dicatatkan melalui Dana Ekuinas Direct (Tranche I) dengan kadar pulangan dalaman (IRR) kasar tahunan 31.9 peratus.

Katanya, tahun lalu Ekuinas turut berjaya melaksanakan pelaburan dengan jumlah komited RM605.8 juta dalam sembilan pelaburan tambahan menerusi pelaburan langsung dan di bawah penyumberan luar.

“Ini membawa kepada jumlah kumulatif pelaburan komited dilaksana Ekuinas adalah sebanyak 33 yang bernilai kira-kira RM2.4 bilion dan bersama modal swasta, Ekuinas berjaya membantu kemasukan modal sebanyak RM3 bilion yang telah memberi impak positif kepada ekonomi Malaysia,” katanya.